

INFLAFEN TABLETS 200MG

Ibuprofen (200mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Inflafen Tablets
2. Bagaimana Inflafen Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Inflafen Tablets
4. Cara menggunakan Inflafen Tablets
5. Semasa menggunakan Inflafen Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Inflafen Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Inflafen Tablets

Ibuprofen adalah kandungan aktif Inflafen Tablets.

Ibuprofen digunakan dalam rawatan kesakitan jenis ringan hingga sederhana dalam keadaan seperti senggugut, migrain, sakit selepas pembedahan, osteoarthritis (penyakit sendi), arthritis reumatoid (gangguan keradangan sistemik yang menjejaskan sendi), *ankylosing spondylitis* (penyakit radang kronik tulang), dan lain-lain gangguan otot tulang dan sendi seperti terseliuh dan ketegangan.

Bagaimana Inflafen Tablets berfungsi

Ibuprofen adalah sejenis "non-steroidal anti-inflammatory drug" (NSAID). Ia berfungsi dengan mengurangkan sejenis hormon yang dipanggil *prostaglandin* yang menyebabkan keradangan dan kesakitan dalam badan. Ia membantu badan manusia

mengurangkan demam, kesakitan dan keradangan.

Sebelum menggunakan Inflafen Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif terhadap ibuprofen atau bahan-bahan kandungan lain dalam Inflafen Tablets.
- Jika anda sensitif terhadap aspirin atau NSAID lain iaitu pada pesakit yang mengalami *bronchospasm* (pengecupan otot licin yang tidak normal pada bronkus), *angiodema* (bengkak di bawah permukaan kulit), polip hidung (ketumbuhan dalam hidung) atau urtikaria (gatal-gatal) dengan ubat atau orang-orang yang mempunyai sejarah asma.
- Jika anda mempunyai pendarahan aktif pada perut dan usus atau terdapat ulser pada perut.
- Jika anda hamil atau menyusui.

- Sebelum menggunakan Inflafen Tablets

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai gangguan pendarahan.
- Anda mempunyai penyakit jantung atau strok.
- Anda mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.
- Anda menghidapi atau pernah menghidapi ulser, pendarahan atau penembusan pada perut dan usus.
- Anda menerima mana-mana ejen penipisan darah seperti *coumarin anticoagulant*.
- Anda mempunyai masalah penglihatan.
- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang

diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.

- Anda hamil, sedang cuba untuk hamil atau berfikir anda mungkin hamil.
- Anda sedang menyusukan bayi. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mengambil ubat berikut baru-baru ini:

- *ACE inhibitors*, ubat-ubatan untuk tekanan darah tinggi.
- *Cyclosporin*, ubat yang digunakan untuk pemindahan organ.
- *Lithium*, ubat untuk kemurungan.
- *Methotrexate*, sejenis ubat yang digunakan untuk merawat arthritis reumatoid, serta beberapa jenis kanser.
- *4-Quinolone antibacterial*, ubat-ubatan untuk jangkitan.
- *Sulphonylureas*, ubat-ubatan untuk kencing manis.

Sentiasa beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk tonik herba, makanan tambahan dan ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Inflafen Tablets

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda sepatutnya merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 1.2g-1.8g sehari secara pembahagian dos
Dos pengekal: 0.6-1.2g sehari

Jika anda mempunyai masalah buah pinggang, doktor mungkin menetapkan dos yang lebih rendah untuk anda.

Ibuprofen tidak boleh digunakan sebagai rawatan kendirian untuk kanak-kanak yang berumur kurang daripada 12 tahun melainkan di bawah nasihat doktor.

- *Bila perlu digunakan*

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Inflafen tablets boleh diambil dengan makanan atau susu untuk mengurangkan gangguan perut dan usus.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu sebaik sahaja anda teringat.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan mengantuk,

nystagmus (pergerakan bola mata dengan pesat secara tidak sukarela), *apnea* (berhenti nafas), *cyanosis* (kulit biru kerana kekurangan oksigen di dalam darah) dan tindak balas terhadap rangsangan sakit sahaja

Semasa menggunakan Inflafen Tablets

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Hubungi doktor jika tanda anda bertambah buruk atau tiada perubahan.

Hubungi doktor sekiranya anda menjadi hamil semasa mengambil Inflafen Tablets.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan beri Inflafen Tablets kepada orang lain walaupun simptom-simptom atau keadaan mereka serupa seperti anda. Doktor anda mempreskrib Inflafen Tablets untuk anda dan keadaan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana Inflafen Tablets memberi kesan kepada anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Inflafen Tablets mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan-kesan sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini:

- Paling biasa: sakit perut.
- Lain-lain: sakit kepala, pening, gemuruh, gatal-gatal ringan atau ruam, perubahan pendengaran (seperti nada dalam telinga), bengkak pada pergelangan kaki/kaki/ tangan, kemurungan, mengantuk, *insomnia* dan penglihatan kabur dan reaksi mata yang lain.

- Reaksi hipersensitiviti, ujian fungsi hati yang tidak biasa, kemerosotan fungsi buah pinggang, *agranulocytosis* (pengurangan sel darah putih) dan *thrombocytopenia* (kiraan platelet darah rendah) pernah sekali-sekala diperhatikan.

- **Risiko pada perut dan usus, ulser, pendarahan, dan penembusan dengan NSAIDs.**

Ketoksikan yang serius pada perut dan usus seperti pendarahan, pengulseran dan perforasi boleh berlaku pada bila-bila masa, dengan atau tanpa simptom amaran, dalam pesakit-pesakit yang dirawat dengan NSAID.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai keraguan atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.moh.gov.my [*Consumers*→ *Reporting Side Effects To Medicines (ConSERF) Or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Inflafen Tablets

- *Penyimpanan*

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30°C. Lindungi daripada kepanasan dan kelembapan.

Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.
-

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet ini berwarna putih, cembung, berbentuk bulat, diameter 9mm dengan garis skor serta tanda 'MPI'.
- Bahan-bahan kandungan
 - Bahan aktif - Setiap biji tablet mengandungi 200mg Ibuprofen.
 - Bahan-bahan tidak aktif - Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *microcrystalline cellulose pH101, potato starch, sodium starch glycolate, stearic acid powder, colloidal silicone dioxide* dan *talc*.
- Nombor MAL
MAL19900497AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya
Kampung Jawa,
11900 Bayan Lepas, Pulau
Pinang, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
14/04/2021

Nombor siri:
BPFK(R4/1)211015/00380